

# Taklimat Pengoperasian Pembukaan Sekolah Tahun 2021



**LABUAN**, 25 September 2021 – Jabatan Pendidikan W.P Labuan telah melaksanakan Taklimat mengenai Pengoperasian Pembukaan Sekolah Tahun 2021, bertujuan menyebarluaskan mengenai beberapa perkara yang berkaitan dengan pengoperasian pembukaan sekolah kepada komuniti di W.P Labuan berikutan pengumuman YBMK Menteri Pendidikan Malaysia mengenai pembukaan sekolah yang akan bermula pada 4 Oktober 2021 secara berperingkat.

Dalam taklimat tersebut, En. Yusup bin Haji Mohamad, Pengarah Pendidikan W.P Labuan telah menerangkan beberapa perkara penting mengenai pengoperasian sekolah pada tahun 2021. Selain itu, beliau juga telah menjawab persoalan yang dikemukakan oleh jemputan yang hadir. Disusuli selepas itu, dengan taklimat Standard Operating Prosedure (SOP) oleh Puan Maimoon binti Hj. Matnoh, Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah.

Puan Dg. Sarifah binti A. Mahmod, Guru Besar SK Sungai Bedaun merangkap Pengerusi Majlis Guru Besar W.P Labuan, turut berkongsi Amalan Terbaik yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh pihak sekolah dalam persediaan Pembukaan sekolah yang akan bermula pada 4 Oktober nanti.

Majlis juga disejalikan dengan penyerahan pelitup muka kepada golongan murid B40 sumbangan ikhlas daripada PETRA ENERGY BERHAD yang telah disampaikan oleh Tuan Hj. Rithuan bin Hj. Mohd Ismail, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah WP.Labuan kepada En. Ismail Abdullah wakil untuk sekolah menengah dan kepada Pn. Saripah binti A.Mahmood wakil bagi sekolah Rendah. Sumbangan yang diterima merupakan 25,000 unit pelitup muka, 2000 botol hand sanitizer, 10,000 unit glove, 1,000 unit face shield dan 10,140 Isolation gaun.





Penyerahan sumbangan kepada En. Ismail Abdullah dan Pn. Dg. Sarifah A. Mahmod  
Pengerusi MPSM & MGB

Yayasan Pendidikan Mara (YPM) juga turut menyampaikan sumbangan kepada 100 orang murid sekolah menengah dan 100 orang murid sekolah rendah yang layak dengan diwakili oleh adik Sopiya binti Amilussin dari SMK Labuan dan adik Muhammad Ikram bin Md. Nur dari SK Sungai Bedaun. Sumbangan telah disampaikan oleh Puan Susanah binti Abu Bakar@Latif, Penolong Pegawai MARA Daerah W.P Labuan. Sumbangan yang diterima berupa wang tunai RM70.00 seorang untuk sekolah menengah dan RM50.00 seorang untuk sekolah rendah.



Sumbangan daripada Yayasan Pendidikan Mara (YPM) Pn. Susanah binti Abu Bakar@Latif

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah DSP. Mohd Ibrahim bin Mohd Ghani, Timbalan Ketua Polis Daerah Labuan, En. Dzulfaizal Ab. Manan Pengurus Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Zon Labuan (MPP), En. Ismail bin Abdullah, Pengetua SMK Labuan merangkap Pengurus MPSM,

ketua-ketua kampung seluruh Labuan dan Ydp. PIBG disemua sekolah menengah dan sekolah rendah yang berlangsung di Bilik Refflesia Ujana Kewangan W.P Labuan.

**Berita Oleh : Sektor Pengurusan Sekolah**

---

# **Jabatan Pendidikan Laksana Penataran Pengoperasian Sekolah**



Selaras dengan pengumuman Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berkaitan pengoperasian sekolah secara berperingkat mulai 4 Oktober ini, Jabatan Pendidikan W.P Labuan mengambil inisiatif melaksanakan beberapa siri penataran pengoperasian pembukaan semula sekolah mulai Selasa lalu.

Siri pertama sesi penataran melibatkan 35 orang terdiri

daripada Pengetua dan Guru Besar daripada sekolah-sekolah yang ada di Labuan termasuk Kolej Vokasional, Sekolah Antarabangsa Labuan (LIS) dan SMA MAIWP.

Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah, Puan Maimoon binti Haji Matnoh yang juga penyelaras sesi taklimat berkata siri penataran ini melibatkan pelbagai pihak termasuk pihak pengurusan sekolah, guru-guru, kumpulan pekerja sokongan, pemimpin masyarakat dan ibubapa.

*“Selain itu, kita juga menjemput pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan BOMBA untuk menyampaikan taklimat dalam memastikan kesiapsiagaan pihak sekolah menerima kehadiran murid pada hari pertama persekolahan nanti”*

*“Sebanyak 18 pelan tindakan telah disusun oleh pihak jabatan bagi memastikan semua pihak mendapat kefahaman yang sama dan mengelakkan kekeliruan berkaitan pembukaan sekolah” kata beliau lagi.*



Puan Maimoon Matnoh ketika menyampaikan taklimat kepada

pihak sekolah

Dalam ucapan perasmian, Pengarah Pendidikan, Encik Yusup bin Haji Mohamad menekankan kefahaman pentadbir sekolah tentang kehadiran murid secara bergilir, penambahbaikan kepada SOP sedia ada dan kelonggaran-kelonggaran yang dibenarkan untuk kemudahan setiap murid.

*“Saya berharap agar pihak sekolah dapat memaklumkan kepada guru, murid dan ibubapa dengan jelas, tepat dan sahih tentang pengoperasian sekolah”*

*“Pihak jabatan telah menukuhan pasukan task force bagi membuat penataran maklumat dan pemantauan pematuhan terhadap SOP supaya keselamatan dan kesihatan murid terjaga” tegas beliau lagi.*

Encik Yusup juga menasihati agar pihak pengurusan sekolah sentiasa patuh kepada SOP yang dikeluarkan oleh JKN dan meletakkan keselamatan dan kesejahteraan murid sebagai keutamaan.

### **Berita Oleh : Sektor Perancangan**



Pembentangan mengenai persiapan pembukaan sekolah oleh Pengetua SMK Labuan, Encik Ismail Abdullah



Encik Mohd Nizam Yassim, Timbalan Pengarah Sektor Perancangan memberi sedikit penerangan kepada para peserta

---

## **Program Wira Anti Rasuah (WAR) SPRM-KPM Peringkat Negeri W.P. Labuan**



Labuan – Bagi memperkuatkan pendidikan di peringkat sekolah rendah dan menengah yang berteraskan kepada pembentukan sahsiah, jati diri dan kepimpinan yang utuh selaras di bawah Inisiatif 2.4.6 & 2.4.11 Pelan Anti Rasuah Kebangsaan 2019-2023, Program Wira Anti Rasuah (WAR), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia W.P.Labuan (SPRM) bersama rakan strategiknya Jabatan Pendidikan W.P. Labuan telah menganjurkan Pertandingan Video Pendek serta Pertandingan Lirik dan Lagu dengan tema Anti Rasuah dan Integriti baru-baru ini. Sebanyak 15 penyertaan dari kalangan sekolah rendah dan sekolah menengah telah mengikuti pertandingan tersebut.

Menurut Pengarah SPRM W.P. Labuan Mohd Yusizzudin Bin Mohd Yusof, Pertandingan Video Pendek Sekolah Rendah dan Menengah dan Pertandingan Lirik dan Lagu Sekolah Menengah Wira Anti Rasuah (WAR) SPRM-KPM Peringkat W.P.Labuan Tahun 2021 ini bertujuan mencungkil bakat dan kreativiti murid-murid di samping menerapkan nilai-nilai integriti yang tinggi dan menanamkan sifat membenci serta menghindari rasuah menggunakan platform hasil karya video pendek, dan lagu supaya dapat dihayati dan memberikan kesan dalam kehidupan murid-murid.

Penjurian semua pertandingan ini telah dijalankan di Hotel Tiara pada Isnin 13 September 2021 yang lalu di mana barisan jurinya terdiri daripada PsK Augustine S. Manson @ David selaku ketua juri dan dibantu oleh Ps Sem Ajan, dan PkPs Kamal Bin Ag. Besar yang merupakan anggota SPRM W.P.Labuan serta Pn. Jasmini Daud SMK Rancha-Rancha, dan En. Romeno Suali SK. Kerupang. Menurut Augustine S. Manson @ David penyertaan kali ini sangat menarik di mana peserta makin kreatif dalam suntingan dan penyampaian mesej yang mereka persembahkan.

PENGARAH SPRM WP. LABUAN- Mohd Yusizzudin Bin Mohd Yusof



KETUA JURI PERTANDINGAN- PsK Augustine S. Manson @ David

Bagi Pertandingan Lirik dan Lagu sekolah menengah, johan berjaya disandang oleh SSN SMK Mutiara dengan lagu mereka yang berjudul Jihad Perangi Rasuah. SMK Taman Perumahan Bedaun dengan judulnya Kita Wira Anti Rasuah tempat kedua. Manakala tempat ketiga disandang oleh SBT SM Sains dengan lagunya yang berjudul Rasuah Itu Nista.

Bagi Pertandingan Video Pendek Sekolah Rendah, Johan SK Pekan Satu dengan videonya yang bertajuk Parasit. Naib Johan SJK C Chi Wen. Tempat Ketiga, SK Pekan Dua. Keputusan Pertandingan Video Pendek sekolah menengah pula, Johan SMK Rancha-Rancha dengan videonya yang bertajuk Rasuah Dalam Pekerjaan. Naib Johan SBT SM Sains dan tempat ketiga SMK Taman Perumahan Bedaun.

Penyelaras pertandingan pada kali ini adalah PPs. Abang Azlanshah bin Abang Saufee SPRM bersama Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid En. Samsul bin Mandisin. Menurut Samsul, pertandingan sebegini dapat membentuk dan membudayakan nilai antirasuah dan integriti di kalangan murid-murid di peringkat sekolah rendah dan menengah agar lebih bertanggungjawab demi membangunkan negara yang berintegriti dan bebas dari salah laku rasuah, justeru menjadi *role model* kepada masyarakat awam. Bukan saja mengukuhkan keyakinan masyarakat terutamanya guru, murid dan ibu bapa terhadap kebebasan, ketelusan dan profesionalisme SPRM dalam mencegah salah laku rasuah dan juga meraih keyakinan seterusnya menyokong usaha SPRM. Malah dapat mencetus keterujaan dalam kalangan murid-murid sekolah rendah dan menengah terhadap usahasama dengan SPRM dari aspek pencegahan rasuah di Malaysia.

Semua Johan dan Naib Johan bagi setiap kategori pertandingan di peringkat negeri ini dengan sendirinya terpilih dan akan mewakili W.P. Labuan ke peringkat Kebangsaan yang akan berlangsung pada 17 September 2021.



**PENJURIAN-** Barisan 5 orang juri yang mengadili

pertandingan



**SK PEKAN SATU** – Sedutan video bertajuk Parasit Johan  
Video Pendek Sekolah Rendah

Berita Oleh : Unit Pembangunan Bakat Murid

---

## **Majlis Sambutan Ambang Hari Malaysia 2021 SMK Pantai IBWS**



Labuan, 10 Sept 2021 – SMK Pantai IBWS Wilayah Persekutuan Labuan telah mengadakan Majlis Sambutan Ambang Hari Malaysia 2021 secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi *Google Meet* dan *Facebook*. Majlis tersebut melibatkan warga sekolah yang terdiri daripada murid-murid, guru-guru, anggota kumpulan pelaksana (AKP) dan pekerja swasta . Turut hadir dalam majlis tersebut ialah para ibu bapa. Majlis yang ringkas tetapi meriah itu dapat disaksikan melalui *Facebook* secara langsung oleh orang ramai.

Objektif majlis tersebut diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran warga sekolah tentang erti kemerdekaan. Selain itu, memupuk semangat patriotisme yang tinggi. Seterusnya, memberi peluang kepada murid dan guru untuk mengasah kreativiti dan bakat dalam pertandingan yang dijalankan. Akhir sekali, mewujudkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga sekolah dan saling bekerjasama.

Terdahulu majlis pada pagi itu dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, lagu Wilayah dan lagu SMK Pantai IBWS. Manakala, bacaan doa di bawah pimpinan Encik Mohamad Faisal bin Aminaldun. Majlis Sambutan Ambang Hari

Malaysia 2021 dirasmikan oleh Puan Norazita binti Md. Nor @ Shamsuri, Pengetua SMK Pantai IBWS. Dalam ucapannya, beliau mengucapkan tahniah kepada para peserta pertandingan yang terdiri daripada murid-murid dan guru-guru kerana dapat merealisasikan bulan kemerdekaan dengan menyertai aktiviti yang dianjurkan. Beliau juga merakamkan ucapan tahniah kepada Jawatankuasa Ambang Hari Malaysia 2021 atas penganjuran majlis tersebut.



Majlis Sambutan Ambang Hari Malaysia 2021 diadakan melalui medium Google Meet.

“ Sempena sambutan hari kemerdekaan Malaysia ke-64 bagi tahun 2021 ini, kita seharusnya mengambil peluang dan ruang bersama-sama bagi menghayati erti sebenar kemerdekaan kerana apabila kita menjiwai makna sebenar kemerdekaan maka akan menaikkan lagi semangat patriotisme cinta akan tanah air dalam diri sendiri ”. Ujarnya.

Beliau juga turut meletakkan harapan agar murid-murid SMK Pantai IBWS mengekalkan ciri-ciri warganegara yang baik, berakhhlak mulia, berdisiplin dan saling menghormati antara satu sama lain. Selain itu, beliau turut menzahirkan harapan kepada semua warga pendidik agar mengorak langkah sederap bersama-sama membangunkan modal insan berlandaskan kejayaan generasi terdahulu dalam memperjuangkan dan memperkuuh nilai kemerdekaan tanah

air, Malaysia.

Sebanyak tujuh aktiviti telah dipertandingkan untuk disertai oleh murid-murid, guru-guru dan AKP iaitu pertandingan kuiz dalam talian, mereka cipta kad ucapan, nyanyian lagu patriotik dan melukis poster kemerdekaan yang terbuka kepada murid-murid sahaja. Manakala, pertandingan swafoto kemerdekaan, busana kemerdekaan dan deklamasi sajak terbuka kepada murid-murid dan guru-guru. Seterusnya, majlis turut dimeriahkan dengan persembahan deklamasi sajak oleh johan pertandingan bagi setiap kategori. Di samping itu, majlis diserikan lagi dengan nyanyian lagu berunsurkan patriotik oleh para pemenang pertandingan tersebut.

Kemuncak majlis ialah penyampaian sijil secara maya oleh pengetua kepada para pemenang dan peserta pertandingan. Majlis diakhiri dengan nyanyian lagu-lagu patriotik dan sesi bergambar sebagai kenang-kenangan. Sesungguhnya, Majlis Sambutan Ambang Hari Malaysia 2021 mengikut norma baharu kerana diadakan secara maya sebagai langkah berjaga-jaga mengelakkan penularan wabak Covid-19.



Antara hasil karya peserta pertandingan (kanan) dan sijil penyertaan (kiri)



MAJLIS SAMBUTAN AMBANG HARI MALAYSIA 2021 | SMK PANTAI SEPAKAT MEMBAWA BERKAT | SMK PANTAI MENUJU

SIMPLY GO GREEN CONVENTION 2021

Andre Dian Semond (peserta pertandingan lagu patriotik) pemenang sugu hati dan menjadi peserta kegemaran penonton kerana kreatif dalam membuat persembahan.

Berita Oleh : SMK Pantai IBWS

---

# Program Interaksi Akademik Tingkatan 4 Dapat Sambutan Walaupun Secara Dalam Talian



Labuan – SMK Taman Perumahan Bedaun (SMKTPB) sekali lagi berjaya mengadakan “Program Interaksi Akademik” bersama ibu bapa, guru – guru dan murid-murid Tingkatan 4 pada 09 September 2021 (Khamis). Program yang dilaksanakan secara dalam talian melalui medium “google meet” telah dihadiri oleh 86 orang murid Tingkatan 4 bersama-sama dengan ibu bapa masing-masing. Hadir bersama dalam program ini ialah Tuan Pengetua, En. Ag. Rozlan bin Manan, Pen. Kanan Pentadbiran, Pn. Chai Yee San, Pen. Kanan HEM, En. Awang Adi bin Tuah, Pen. Kanan Kokurikulum, Pn. Lau Chin Ying serta Guru-guru Kanan Bidang. Objektif program ini adalah untuk mewujudkan interaksi dua hala antara pihak sekolah dan ibu bapa dalam membincangkan isu dan pencapaian anak-anak Tingkatan 4 dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun (PPT) 2021 di samping membincangkan tentang pelibatan anak-anak dalam PdPR.

Majlis dimulakan dengan pembentangan analisis pencapaian murid-murid Tingkatan 4 dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun (PPT) baru-baru ini oleh Tuan Pengetua, En. Ag Rozlan bin Manan. Sebelum memulakan pembentangan, beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada ibu bapa yang sudi hadir demi memastikan kecemerlangan anak-anak memandangkan anak-anak Tingkatan 4 ini merupakan calon SPM 2022. Dapatan daripada analisis PPT 2021, Tuan

Pengetua memaklumkan bahawa Gred Purata Sekolah (GPS) yang dicapai ialah 5.37, manakala peratus lulus ialah 80.26 peratus. Selain itu, 5 orang murid didapati gagal dalam kedua-dua mata pelajaran wajib lulus iaitu Bahasa Melayu dan Sejarah dalam peperiksaan ini. Pihak sekolah amat berharap agar semua murid lulus dalam semua mata pelajaran dan mencapai sekurang-kurangnya Gred "C" dalam peperiksaan akan datang. Pelbagai intervensi akan diambil bagi menangani isu murid-murid yang masih lemah penguasaannya dalam setiap mata pelajaran. Oleh itu, beliau berharap agar ibu bapa sentiasa ada bersama-sama dengan pihak sekolah dalam meningkatkan pencapaian akademik anak-anak.

The screenshot shows a Google Meet interface. At the top, it says 'Meet - dsw-rpfa-xxq' and 'AG. ROZLAN BIN MANAN Moe is presenting'. There is a red 'REC' button. On the right, there is a grid of participant thumbnails. Below the thumbnails is a table titled 'LAYAK SIJIL PERBANDINGAN PENCAPAIAN PPT TAHUN 2020 DAN PPT 2021'. The table compares 'SUBJEK' (Subject), 'PPT 2020' (Number of Passes, % Pass, GPS), and 'PPT 2021' (Number of Passes, % Pass, GPS). The data is as follows:

SUBJEK	PPT 2020			PPT 2021		
	BIL. LAYAK SIJIL	% LAYAK SIJIL	GPS	BIL. LAYAK SIJIL	% LAYAK SIJIL	GPS
BAHASA MELAYU	67	82.72	4.69	61	80.26	5.04
SEJARAH	58	78.38	4.51	65	86.67	4.53


At the bottom of the screen, there is a taskbar with various icons and a system tray showing the date and time as 2:55:56 PM 9/9/2021.

Antara pembentangan yang dibuat oleh En. Ag Rozlan dalam program ini.

Seterusnya, Tuan Pengetua, En. Ag Rozlan memaklumkan kepada ibu bapa berkaitan analisis kehadiran murid-murid sepanjang PdPR berlangsung. Masih ada segelintir murid yang didapati kurang memberikan komitmen untuk hadir mengikuti kelas PdPR. Oleh itu, kerjasama daripada ibu bapa amatlah diharapkan memandangkan sesi persekolahan secara bersemuka belum dapat dilaksanakan. Tanpa sokongan ibu bapa, anak-anak sudah pasti akan tercicir dalam

pembelajaran masing-masing. Beliau turut menjelaskan kepada ibu bapa bahawa pelaksanaan PdPR sememangnya tidak sama dengan pembelajaran secara bersemuka dan berharap agar anak-anak akan dapat kembali semula ke sekolah pada Oktober nanti.

En. Ag Rozlan turut menyatakan keyakinan beliau dengan komitmen yang ditunjukkan oleh guru-guru dalam pelaksanaan PdPR. Beliau menjelaskan bahawa dalam situasi kini, murid-murid perlu mengikuti kelas PdPR kerana guru-guru telah cuba sedaya upaya untuk menyampaikan pembelajaran kepada semua murid dengan pelbagai kaedah yang bersesuaian. Di samping itu, guru juga akan mendedahkan kepada murid-murid tentang teknik menjawab soalan peperiksaan serta memberikan bimbingan untuk membuat latih tubi. Oleh itu, sekiranya murid tidak hadir PdPD mereka akanvtercicir dalam pembelajaran dan akan mengalami defisit pembelajaran kerana banyak tertinggal dalam pembelajaran sehariannya mereka. Pada akhir ucapannya, beliau turut menyatakan harapan pihak sekolah kepada calon SPM 2022. Antaranya ialah mencapai 100 peratus keterlibatan murid dalam PdPR dan mencapai 100 peratus kehadiran murid ke sekolah secara bersemuka nanti. Di samping itu, pihak sekolah turut mengharapkan peranan daripada ibu bapa sebagai pendorong kepada kecemerlangan anak-anak dalam memastikan hasrat sekolah dapat dicapai. Hal ini kerana semua murid SMKTPB diharapkan dapat memiliki sijil SPM dengan keputusan yang berkualiti bagi memastikan mereka mampu bersaing untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, mahupun untuk memperoleh peluang pekerjaan yang baik



Sebahagian daripada ibu bapa dan murid-murid yang turut hadir

**Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedau**

---

# Ziarah Kasih Manifestasi Keprihatinan Warga Jabatan



Ahli-ahli Pengurusan Tertinggi Jabatan Pendidikan W.P Labuan telah menganjurkan Ziarah Kasih kepada salah seorang kakitangan kumpulan sokongan, Puan Julynah binti Haji Wali yang telah kematian anaknya baru-baru ini.

Rombongan ziarah di Kampung Sungai Miri itu telah disertai oleh 11 orang dan diketuai oleh Pengarah Pendidikan W.P Labuan, Encik Yusup bin Haji Mohamad.

Sempena ziarah ini, pihak jabatan turut menyampaikan sumbangan kutipan derma ikhlas daripada warga jabatan yang diusahakan oleh Sektor Psikologi dan Kaunseling(SPsK). Selain itu, ahli rombongan turut membuat bacaan tahlil yang telah dipimpin oleh Ustaz Shahir bin Mohamad Yusof, Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam (SPI).

Menurut penyelaras rombongan ziarah, Encik Fadzil bin Mohd Jamil yang juga Ketua Kaunselor Pendidikan Negeri (KKPN), ziarah ini adalah manifestasi keprihatin warga jabatan terhadap kakitangan jabatan yang ditimpa musibah.

Terdahulu, Encik Yusup telah menzahirkan ucapan takziah daripada semua warga jabatan kepada keluarga Puan Julynah dan berharap agar semua ahli keluarga tabah dalam menghadapi dugaan ini.

Puan Julynah turut mengucapkan terima kasih atas kunjungan dan doa yang telah dipanjatkan kepada arwah anaknya.

Turut serta dalam ziarah ini ialah Timbalan Pengarah Sektor Perancangan, Encik Mohd Nizam bin Yasim dan Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah, Puan Maimoon binti Matnoh.

**Berita Oleh : Sektor Perancangan**



Encik Yusup dan warga jabatan yang hadir melawat keluarga Puan Julynah

---

# **Sesi Perjumpaan Pengarah Pendidikan Bersama Guru Bimbingan dan Kaunseling Bantu Murid-Murid Terkesan Covid-19**



**Labuan, 13 Sept** – Sektor Pembangunan Murid (SPM), Jabatan Pendidikan W.P Labuan telah menganjurkan pertemuan bersama 26 Guru Bimbingan Kaunseling (GBK) dari semua sekolah seluruh Labuan pada Jumaat lalu.

Perjumpaan di Bilik Kiamsam, Sektor Sumber Teknologi Pendidikan itu telah dipengerusikan oleh Pengarah Pendidikan W.P Labuan, Encik Yusup bin Haji Mohamad.

Menurut penyelaras, Puan Saadiah Jakob yang juga Penolong Pengarah Unit Binbingan dan Kaunseling, perjumpaan ini adalah susulan daripada dua sesi pertemuan maya antara Pengarah bersama murid-murid Tingkatan 5 dan pelajar-pelajar Tingkatan 6 pada bulan lalu.

*“Antara dapatan penting yang diperolehi daripada pertemuan tersebut ialah hal berkaitan emosi murid kesan daripada PdPR yang telah berlangsung dalam jangkamasa yang agak panjang” kata beliau lagi.*


Dalam ucapan, Encik Yusup mengucapkan tahniah kepada GBK W.P. Labuan kerana telah berjaya membuat bimbingan dan sesi kaunseling paling tinggi di peringkat kebangsaan sepanjang tempoh pandemik ini.

*“Saya berharap GBK dapat mengambil inisiatif dan peranan proaktif dalam menangani emosi dan kebajikan anak-anak yang telah kehilangan ibu atau bapa kerana Covid-19 terutama daripada golongan keluarga B40”*

*“Kita perlu memastikan murid-murid yang terkesan ini dibantu untuk terus berada di dalam sistem pendidikan” tegas beliau lagi.*

Menurut Encik Yusup lagi, motivasi calon-calon SPM juga perlu berada pada tahap tinggi untuk terus mengikuti PdPR dan bersedia untuk menghadapi peperiksaan terutamanya murid-murid yang berprestasi rendah dan sederhana.

Selain itu GBK juga perlu membantu murid-murid meneroka peluang-peluang dalam menentukan hala tuju yang jelas selepas alam persekolahan.



Guru Bimbining Kaunseling yang hadir perjumpaan bersama Pengarah

Dalam pertemuan ini, data dan maklumat berkaitan kehadiran murid dalam PdPR turut dibentang oleh Puan Siow May Yun, Penolong Pengarah di Sektor Pembelajaran.

Di akhir sesi pertemuan, Encik Yusup sempat berinteraksi secara dua hala bersama dengan GBK dalam menangani beberapa isu berkaitan perkhidmatan GBK di sekolah.

Turut hadir dalam sesi pertemuan ialah Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah, Puan Maimoon binti Matnoh, Timbalan Pengarah Sektor Perancangan, Encik Mohd Nizam bin Yasim dan Kaunselor Pendidikan Negeri, Encik Sabdin bin Japaruddin.

**Berita Oleh : Sektor Perancangan**

---

## **Penjurian Aktiviti Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum Negeri 2021**



Labuan, 13 Sept – Penjurian Aktiviti Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum Pusat Kokurikulum Peringkat Negeri W.P. Labuan telah dijalankan oleh 24 orang juri bermula 8 September hingga 10 September 2021 yang telah diadakan di Makmal Komputer, Sektor Sumber Teknologi Pendidikan SSTP di Jalan Bukit Besar Kampung Sungai Lada. Barisan juri adalah dari kalangan jurulatih Pusat Kokurikulum yang juga merupakan barisan guru dari seluruh sekolah di W.P. Labuan. Penjurian mengambil masa selama 3 hari berturut-turut kerana penyertaan yang sangat menggalakkan dari kalangan peserta. Seramai 100 murid Sekolah Rendah dan 155 orang murid Sekolah Menengah telah menyertai Pertandingan Aktiviti Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum yang telah berlangsung dari 7 Ogos sehingga 30 Ogos yang lalu.

Terdapat 6 jenis pertandingan yang dipertandingan iaitu Ikatan dan Simpulan, Bantu Mula, Membina Gajet, Kraftangan dari bahan kitar semula, Lukisan Alam dan Masakan Rimba Ikhtiar Hidup. Semua pelajar yang menyertai pertandingan ini menghantar rakaman video mereka yang berdurasi 4 hingga 5 minit untuk dihakimi.



PKK2– Sedutan Rakaman Video Bantu Mula kategori sekolah menengah

Menurut Abdul Kahar bin Abdul Rahim, Penolong Pengarah Pusat Kokurikulum pelaksanaan aktiviti kokurikulum yang terancang, mantap dan praktikal dalam norma baharu sebegini akan menyokong pengembangan potensi murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi , rohani dan intelek selari dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penyertaan aktif dan berkesan murid dapat membantu dari segi menyediakan murid dengan sifat-sifat kecemerlangan diri seperti daya saing, jati diri, kreatif , kritis , berkeyakinan tinggi dan daya tahan bagi menghadapi cabaran era globalisasi dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi [ ICT ]. Membantu juga meningkatkan tahap disiplin murid melalui pemilihan idea dan ketepatan rakaman yang dihasilkan, selaras dengan hasrat Rukun Negara.

Aktiviti Pendidikan Luar secara maya ini juga membantu mengukuhkan dan meningkatkan pengetahuan murid dalam pelbagai bidang. Peranan utama kokurikulum masa kini adalah untuk menndedahkan murid dengan aktiviti yang menggembirakan seterusnya membantu mewujudkan persekitaran rumah yang menyeronokkan, menarik dan kondusif “ Outdoor Is Fun “ Usaha ini diharapkan dapat menghiburkan pelajar seterusnya melupakan seketika bebanan dengan Pembelajaran secara Dalam Talian.

Semoga aktiviti sebegini dapat membina konsep kendiri yang positif dan penghargaan diri yang tinggi supaya mempunyai perasaan hormat diri yang baik, realistik, mempunyai kebolehan memajukan diri serta menjadi lebih yakin dan berkebolehan menghadapi sebarang masalah serta mampu mengendalikannya dalam mendepani global pandemik Covid-19. Majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang akan dilakukan sebaik sahaja selesai Karnival Bakat Murid anjuran Unit Pembangunan Bakat, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan W.P. Labuan yang telah dilancarkan oleh Encik Yusup bin Hj. Mohamad, Pengarah

Pendidikan W.P. Labuan dengan tema Serlahkan Bakatmu.



PKK3 – Sedutan Rakaman Video Masakan Rimba Ikhtiar Hidup kategori sekolah rendah




PKK4- Sedutan Rakaman Video Kraftangan Bahan Kitar Semula kategori sekolah rendah

Berita Oleh : Pusat Kokurikulum Negeri W.P Labuan

---

# **Sektor Perancangan Anjur Bengkel Sinergi SKPMg2 : Kualiti@Sekolah Kepada Sekolah Rintis**



**Labuan, 10 Sept** – Sektor Perancangan selaku peneraju kepada pengisian portal SKPMg2 telah menganjurkan bengkel pengujian instrumen SKPMg2:Kualiti@Sekolah kepada 10 buah sekolah rintis kelmarin.

Seramai 17 orang terdiri daripada Pengetua, Guru Besar dan Penolong Kanan telah hadir dalam taklimat tersebut. Encik Joe Hellmy Jumat, Penolong Pengarah di Sektor Perancangan telah menyampaikan taklimat yang telah

diadakan di Bilik Botanikal.

Menurut beliau, pengenalan sinergi baharu SKPMg2 ini mengambil kira perubahan-perubahan bagi memudahkan pihak sekolah membuat pengisian portal pada masa-masa akan datang termasuk kemudahan pengisian secara offline.

SKPMg2 adalah alat pengurusan yang telah diperkenalkan oleh Jemaah Nazir Sekolah (JNS) sejak tahun 2010.

*“Uji rintis ini adalah bagi memastikan pemuka baharu SKPMg2 ini dapat difahami dan dilaksanakan dengan mudah di peringkat sekolah. Pihak sekolah juga berpeluang membiasakan diri dengan pengisian instrumen wajah baharu ini” kata beliau lagi.*

---

**Berita Oleh : Sektor Perancangan**

## **Pengarah Pendidikan Lakukan Kunjung Hormat Kepada YB Senator Datuk Bashir**



**Labuan, 9 Sept** – Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan W.P Labuan telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ahli Dewan Negara, YB Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias, di pejabatnya di Tingkat 4, Wisma Perbadanan hari ini. Kunjung hormat ini bersempena pelantikan Encik Yusup bin Haji Mohamad sebagai Pengarah Pendidikan yang baharu berkuat kuasa 1 Mac yang lalu.

Rombongan dari Jabatan Pendidikan seramai 4 orang turut disertai oleh Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Perancangan Encik Mohd Nizam bin Yasim, Timbalan Pengarah, Sektor Pengurusan Sekolah Puan Maimoon binti Haji Matnoh dan Ketua Penolong Pengarah, Sektor Sumber Teknologi Pendidikan, Encik Awang Marten bin Datuk Haji Abdul Rahman.

Dalam pertemuan itu, Encik Yusup Mohamad telah menerangkan hal-hal berkaitan kesediaan pengoperasian semula sekolah yang dijangkakan bermula pada 4 Oktober 2021. Menurut beliau, setakat ini semua sekolah telah bersedia untuk beroperasi selaras dengan pengistiharan Labuan telah memasuki Fasa 4 dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Selain itu, beliau turut memaklumkan beberapa projek

pembangunan baharu termasuk pembinaan Kolej Tingkatan 6 dan pembinaan satu blok gantian yang mengandungi 12 bilik darjah di SMK Labuan.

Terdahulu, YB Senator Datuk Haji Bashir mengucapkan tahniah kepada Encik Yusup kerana telah dilantik menerajui Jabatan Pendidikan W. P. Labuan. Beliau turut melahirkan rasa bangga atas pelantikan anak tempatan menerajui agensi kerajaan yang terbesar di pulau ini.

*“Jika terdapat isu-isu berbangkit berkaitan hal-hal pendidikan, pihak saya sedia membantu terutamanya dalam meningkatkan kualiti pendidikan di wilayah ini” ujar beliau.*

Di akhir majlis, Encik Yusup menyampaikan cenderamata daripada Jabatan Pendidikan W.P Labuan kepada Datuk Bashir sebagai tanda kenangan.

#### **Berita Oleh : Sektor Perancangan**

